

# DEB tetap diamatkan dalam projek kereta

10 JUL 1985

SHAH ALAM, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan tetap diamatkan dalam projek kereta Malaysia, tetapi buat permulaan, kerana risikonya tinggi, kerajaan menjadi pemegang amanah bagi Bumiputera.

Sambil menyatakan saham-saham terbesar kerajaan akan diedarkan kepada Bumiputera melalui saluran-saluran tertentu apabila perniagaan itu sudah maju, Perdana Menteri mahu semua kaum dibabitkan sama dalam usaha mengendalikan penjualan Proton Saga.

Ini kerana pemasaran adalah amat penting untuk kejayaan projek kereta nasional, kata beliau.

Berucap di majlis pelancaran Proton Saga pertama dan perasmian kilang Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (Proton) di Batu Tiga dekat sini hari ini, Perdana Menteri menegaskan, mereka yang berpendapat seratus pe-

ratus saham Proton mesti dikhaskan kepada Bumiputera perlu berfikir bahawa perniagaan bukan selalunya untung.

"Perniagaan juga mengalami kerugian. Jika Bumiputera memiliki seratus peratus saham Proton atau Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON), mereka juga akan mengalami kerugian 100 peratus jika ia rugi," katanya.

Kata-kata Perdana Menteri itu secara tidak langsung ditujukan kepada setengah pihak yang cuba menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap kepentingan yang dimiliki oleh Bumiputera dalam projek itu berikutan ura-ura EON melantik syarikat pemasaran bukan Bumiputera mengedarkan Proton Saga.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam perniagaan, orang yang bijak dan pintar biasanya berkongsi dengan orang lain, terutama apabila keuntungan belum tentu dapat diperoleh.

Projek kereta nasional ialah usahasama antara Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hi-com) dan Mitsubishi Corporation, Jepun serta Mitsubishi Motors Corporation Jepun.

"DEB tetap akan diamatkan oleh Proton, tetapi bagi peringkat permulaan sewaktu risiko tinggi, kerajaan akan menjadi pemegang amanah Bumiputera melalui Hi-com.

"Apabila perniagaan sudah maju, saham-saham kerajaan akan diedarkan kepada Bumiputera melalui saluran-saluran yang ditentukan," jelas Perdana Menteri.

Beliau menegaskan, untuk menentukan perusahaan dan perniagaan kereta berkembang, perkara yang penting ialah ia diterima dan laris dijual kerana tidak ada gunanya peniaga berminat menjadi pengedar kereta nasional jika tiada pembeli.

"Oleh itu, keutamaannya bukanlah menentukan siapa yang berminat menjadi ejen tetapi menentukan kereta buatan Malaysia diterima di pasaran dalam negeri dan mungkin juga luar negeri," katanya.

## Wakiljualan

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan bahawa tidak ada gunanya sama sekali bagi mereka yang bermodal kecil menjadi pengeluar kereta yang sukar dijual sementara yang bermodal besar akan menanggung kerugian.

Tambah beliau, kerajaan sedar syarikat pemasangan kereta tempatan merasa terjejas dengan pelaksanaan projek itu, tetapi peluang telah diberikan kepada mereka supaya sama-sama memberi sokongan dengan menjual Proton Saga apabila ia mula dipasarkan September ini.

"Langkah itu bukan sahaja mengurangkan kesan terhadap syarikat pemasangan kereta, juga menentukan adanya rangkaian wakil-wakil jualan di setiap tempat di negara ini.

"Kejayaan pemasaran amat penting bagi menjamin kejayaan projek ini dan semua kaum mesti terbahit dalam usaha mengendalikan penjualannya," katanya.

Perdana Menteri yakin, jika pengurusan penjualan dibuat dengan lancar, pengeluaran setiap tahun akan dapat jua, iaitu angka yang lebih tinggi daripada kereta-kereta jenis lain yang dipasarkan sekarang.

Beliau berkata, mereka yang berminat menjadi pengedar akan mendapat peluang apabila penerimaan pengguna dapat ditentukan.

"Jika pada ketika itu pengedar baru mengalami kerugian, tidak ada siapa yang boleh dipersalahkan, melainkan diri sendiri," katanya.